

Headline	Perlu struktur semula subsidi petrol, diesel		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Jun 2014	Language	Malay
Circulation	40,000	Readership	120,000
Section	Mahkamah	Color	Black/white
Page No	4	ArticleSize	116 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,039	PR Value	RM 3,118



## Perlu struktur semula subsidi petrol, diesel

### SHAH ALAM

Penstrukturan semula agihan diesel dan petrol bersubsidi, sememangnya perlu dilakukan bagi membolehkan golongan benar-benar layak sahaja mendapat manfaat daripada pemberian subsidi itu.

Pakar ekonomi Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharudin berkata, penstrukturan semula ini bukan hanya dapat mengurangkan beban ditanggung kerajaan, malah sasaran pemberian subsidi itu lebih tepat.

Namun, Dr Amir menyifatkan cadangan pengagihan subsidi mengikut kapasiti enjin seperti disebut sebelum ini adalah tidak relevan.

"Saya berpendapat adalah lebih baik kerajaan menyasarkan pemberian itu seperti mana BR1M," katanya.

Ahad lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Datuk Seri Alias Ahmad berkata, kerajaan akan memperkenalkan sistem baharu penjualan diesel dan petrol bersubsidi kepada kenderaan

komersial yang layak mulai 1 September depan.

Alias memberitahu, sistem sama bagi kenderaan perendirian akan dilaksanakan pada Oktober atau November depan serta satu sidang media khas akan diadakan bagi mengumumkan bentuk pelaksanaan sistem baharu itu.

Bagaimanapun belum sempat pengumuman dibuat, sebuah akhbar tempatan telah melaporkan sistem baharu itu menetapkan hanya mereka yang berpendapatan kurang RM5,000 dan membawa kenderaan kurang daripada 2,000 cc, layak membeli bahan api bersubsidi.

Ditanya mengenai bentuk agihan bersesuaian, Dr Amir berkata penggunaan kad khas bagi pengenalan identiti juga sebagai salah satu cara yang terbaik.

"Bagaimanapun sistem itu perlu ada hadnya dan tarikh luput supaya menyukarkan pengguna menipu.

"Sebagai contoh penerima subsidi ini hanya boleh isi minyak dua kali sehari sahaja dengan jumlah tertentu," katanya.